

Azab atau Nikmat dibentangkan pada pagi dan petang

Dari Ibn Umar r.a berkata : Rasulullah s.a.w bersabda : “Sesungguhnya apabila mati seseorang dari kamu, dibentangkan baginya tempatnya (di akhirat) pada pagi dan petang. Sekiranya dia seorang ahli Syurga maka (tempat) dari Syurga, sekiranya dia seorang ahli neraka maka (tempat) dari neraka. Dikatakan kepadanya: ”Inilah tempatmu sehingga Allah membangkitkan kamu di akhirat kelak”. Bukhari dan Muslim

Perkara yang menyelamatkan seorang hamba dengan izin Allah dari azab kubur

- Berperang di jalan Allah (ar-Ribat)
- Mati atau Syahid di jalan Allah
- Sentiasa membaca Surah Al-Mulk
- Kematian kerana kesakitan perut
- Kematian pada hari atau malam Jumaat